

Analisis Elemen Nilai-Nilai Murni terhadap Kandungan Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan (*Elemental Analysis of Pure Values againsts the Content of Proverbs in Year 4 Malay Language Textbooks of National Type School*)

¹NUR HIDAYAH AWANG & ²NOR AZWAHANUM NOR SHAID

^{1,2}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.

nurhidayahawang2010@gmail.com & azwahanum@ukm.edu.my

Dihantar pada: 21 Julai 2024 / Diterima: 23 Ogos 2024

Koresponden e-mel: azwahanum@ukm.edu.my

ABSTRAK: Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka kandungan peribahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan menganalisis elemen nilai-nilai murni melalui pembelajaran peribahasa di sekolah seperti yang telah termaktub dalam kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM 1996). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang digunakan di SJK. Hasil kajian ini mendapati terdapat 20 unit peribahasa Melayu yang terkandung di dalam Buku Teks tersebut, 5 jenis peribahasa yang digunakan, iaitu 10 simpulan bahasa, 4 perumpamaan, 3 bidalan, 2 pepatah dan 1 kata-kata hikmat. Dalam penganalisan data, analisis secara deskriptif digunakan untuk menggambarkan elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam peribahasa berdasarkan Teori Relevan Sperber dan Wilson (1986). Melalui penganalisan data elemen nilai-nilai murni yang didapati oleh pengkaji iaitu, keberanian (4 kekerapan, 20%), berdikari (3 kekerapan, 15%), kerjasama (3 kekerapan, 15%) kejujuran (3 kekerapan, 15%), kerajinan (2 kekerapan, 10%), kebebasan (1 kekerapan, 5%), kesyukuran (1 kekerapan, 5%), bermasyarakat (1 kekerapan, 5%), kesederhanaan (1 kekerapan, 5%) dan kasih sayang (1 kekerapan, 5%). Kajian ini mendapati elemen nilai-nilai murni melalui pembelajaran peribahasa di sekolah dapat dijadikan sebagai persediaan dalam menghadapi kehidupan masa depan yang lebih mencabar emosi dan mental. Kesimpulannya, penerapan nilai-nilai murni di sekolah amat penting dalam membentuk sahsiah murid dan memperkaya pembelajaran, sekali gus akan mampu melahirkan generasi yang berbudi bahasa dan bertatasusila tinggi. Hasil kajian menunjukkan bahawa perlunya pendidikan budaya yang terintegrasi dalam kurikulum sekali gus dapat melahirkan generasi yang boleh mempertahankan budaya dan mengamalkan nilai-nilai murni yang telah dipelajari.

Kata Kunci: Nilai Murni, Peribahasa, Buku Teks Bahasa Melayu, Sekolah Jenis Kebangsaan

ABSTRACT: The aim of this study is to explore the content of the proverbs found in the Malay Textbook Year 4 used in National Type School (SJK) and to analyze the elements of good values through the learning of proverbs in schools as enshrined in the content of the National Education Philosophy (1996). This study used a qualitative method which is content analysis on the Malay Language Textbook Year 4 used in SJK. The results of this study found that there are 20 units of Malay proverbs contained in the Textbook, 5 types of proverbs used which are 10 idioms, 4 parables, 3 proverbs, 2 proverbs and 1 word of wisdom. In the data analysis, the analysis of the elements of pure values contained in proverbs that can be applied by students are such as self-reliance (4 frequency, 20%), rationality (4 frequency, 20%) love (2 frequency, 10%), justice (2 frequency, 10%), crafts (2 frequency, 10%), socializing (2 frequency, 10%), cooperation (1 frequency, 5%), high-mindedness (1 frequency, 5%), freedom (1 frequency, 5%) and gratitude (1 frequency, 5%). This study found that elements of pure values through learning proverbs at school can be used as preparation for facing a future life that is more emotionally and mentally challenging. In conclusion, the application of good values in school is very important in shaping the character of students and enriching learning in school at the same time will be able to produce a generation with good manners and high morals. culture and practice the noble values that have been learned.

Keywords: Proverbs, Pure Value, Malay Textbooks, Natinal Type School

PENGENALAN

Bidang pendidikan memegang peranan utama kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Melalui pendidikan, seseorang individu memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang tidak hanya mendukung kepada pembangunan ekonomi tetapi juga modal insan yang berkualiti. Proses pembelajaran di dalam bilik darjah berfungsi sebagai indikator penting bagi perjalanan masa depan sesebuah negara dalam mendidik murid dari bangku sekolah rendah lagi. Kejayaan sebuah negara dalam pembangunan ekonomi bergantung kepada kepelbagaian ilmu pengetahuan, keupayaan Bidang pendidikan memegang peranan utama kepada kemajuan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Melalui pendidikan, seseorang individu memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang tidak hanya mendukung kepada pembangunan ekonomi tetapi juga modal insan yang berkualiti. Proses pembelajaran di dalam bilik darjah berfungsi sebagai indikator penting bagi perjalanan masa depan sesebuah negara dalam mendidik murid dari bangku sekolah rendah lagi. Kejayaan sebuah negara dalam pembangunan ekonomi bergantung kepada kepelbagaian ilmu pengetahuan, keupayaan tenaga kerja yang mempunyai kualiti serta kemahiran yang tinggi dan kebijaksanaan serta kecemerlangan rakyatnya dalam pelbagai bidang kepakaran. Negara yang maju dalam bidang ekonomi perlu menggalakkan dan memupuk pelbagai bidang ilmu pengetahuan termasuk bidang sains, teknologi, perubatan, seni dan kemanusiaan.

Oleh itu, sistem pendidikan yang kukuh akan memberi dorongan kepada inovasi dan kemajuan teknologi dalam perkembangan ekonomi negara. Tenaga kerja yang terdidik dan berkualiti berpotensi untuk meningkatkan produktiviti serta daya saing negara dalam pasaran global. Pendidikan merupakan asas utama dalam membentuk diri individu kepada individu yang berkecayaan dan bertanggungjawab dalam masyarakat. Dalam proses pendidikan, nilai-nilai murni mempunyai peranan yang sangat penting. Nilai-nilai ini bukan sahaja merangkumi aspek moral, tetapi juga membentuk asas yang kukuh untuk pembangunan peribadi yang bertanggungjawab, penyayang dan bermaruah. Dalam konteks ini, nilai-nilai murni seperti kejujuran, keadilan, kesetiaan, rasa hormat-menghormati dan tanggungjawab bukan hanya konsep yang diajar, tetapi prinsip-prinsip yang mesti disepadukan dalam setiap aspek pendidikan. Sejak kecil adalah penting bagi kanak-kanak untuk diperkenalkan kepada nilai-nilai ini, kerana

melentur buluh biarlah daripada rebungnya dan ia akan menjadi asas kepada sikap, tingkah laku, dan membuat keputusan pada masa hadapan.

Menurut Mohamad Khairi (2015) salah satu cabaran yang dihadapi oleh sebuah negara adalah dalam usaha membentuk masyarakat yang berakhlak tinggi, berperilaku mulia, serta berbudi bahasa sebagai langkah menuju kepada visi negara yang maju dan boleh bersaing dengan negara maju yang lain bagi merealisasikan cita-cita negara sebagaimana yang tertera dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK, KPM 1996). FPK yang dirangka pada tahun 1988 dan telah diteliti semula pada tahun 1996 bermatlamat untuk melahirkan generasi akan datang yang holistik dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek yang termaktub dalam visi kementerian dan kerajaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (KPM 2013) yang menyatakan *Pendidikan di Malaysia adalah merupakan satu usaha berterusan yang bertujuan untuk memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.*

FPK merupakan prinsip-prinsip asas yang menggariskan matlamat dan hala tuju pendidikan di Malaysia. Ia membentuk tunjang kepada sistem pendidikan negara dengan menekankan pembangunan holistik individu dalam empat aspek utama, iaitu aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual murid. Program pengajaran dirancang untuk merangsang pemikiran kreatif, kritis dan analitikal untuk menghasilkan individu yang mampu berfikir secara holistik. Oleh yang demikian, pendidikan di negara ini mempunyai tanggungjawab untuk melahirkan generasi yang bukan hanya fokus dalam bidang akademik tetapi juga memiliki akhlak yang baik, berbudi bahasa, mempunyai keseimbangan emosi yang mantap, serta kesedaran spiritual yang memperkasa individu itu sendiri. Melalui pendekatan ini sistem pendidikan di Malaysia berusaha untuk mewujudkan insan yang bertanggungjawab, berdaya saing dan berakhlak mulia dalam menghadapi cabaran masa depan. Pendidikan dan penerapan nilai memiliki ikatan yang erat dan penting dalam pembentukan individu yang bertanggungjawab, beretika dan berbudaya (Tajul Ariffin & Nor'Aini 1992).

PERIBAHASA DALAM PENDIDIKAN

Di Malaysia, buku teks digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan ia sangat memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan sebagai alat utama dalam penyampaian kurikulum kepada semua murid dari peringkat sekolah rendah hingga menengah. Ia menyediakan struktur dan maklumat yang diperlukan oleh guru dan murid untuk memahami dan menguasai topik-topik yang diajar. Guru menjadikan buku teks sebagai wahana proses pembelajaran dan menjadi rujukan semasa proses PdP di bilik darjah. Buku teks menyediakan pengenalan kepada konsep-konsep asas dan maklumat terkini mengenai pelbagai bidang dan boleh membantu murid untuk memahami topik yang dipelajari. Oleh yang demikian, buku teks merupakan elemen kritikal sebagai rujukan utama dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mencakupi objektif pembelajaran, isi kandungan dan kaedah penilaian bagi setiap mata pelajaran.

Huraian sukatan pembelajaran menyediakan maklumat terperinci tentang kemajuan pembelajaran murid, penekanan utama dan panduan pengajaran yang dapat membimbing guru dalam proses pengajaran. Oleh itu, buku teks menjadi sumber utama bagi guru dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dengan berkesan, sesuai dengan garis panduan dan objektif yang ditetapkan dalam KSSR. Penguasaan guru dalam mendalami isi tersurat dan tersirat di dalam buku teks amat penting bagi meningkatkan kefahaman murid semasa proses PdP di bilik darjah serta boleh memberi contoh yang lebih kreatif bagi memikat minat murid dalam menguasai pembelajaran yang disampaikan misalnya dalam aspek peribahasa. Menurut Muhammad Zaid (2020), peribahasa digunakan sejak dahulu kala oleh masyarakat Melayu sebagai wahana perbualan komunikasi secara kiasan, pesan nasihat, menegur tingkah laku yang tidak baik, menyampaikan hajat, memberi motivasi dan sebagainya. Dalam memberi nasihat dan menegur tingkah laku negatif, peribahasa digunakan untuk memberikan pengajaran, memperingatkan, atau menegur seseorang tanpa perlu mengungkapkan secara langsung, iaitu dengan cara lembut dan lebih efektif.

Oleh itu, penggunaan peribahasa dalam komunikasi dapat membantu memperkaya bahasa dan budaya, memberikan nilai-nilai moral dan melestarikan warisan budaya masyarakat Melayu. Melalui penggunaan peribahasa juga akan membantu melestarikan identiti budaya dan tradisi yang diwarisi dari generasi ke generasi seperti peribahasa yang menyebut *tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas* yang membawa maksud adat sesuatu budaya yang tidak akan pernah berubah dan tetap utuh jika diamalkan dari generasi ke generasi. Mempelajari dan

memahami peribahasa penting dalam pendidikan anak-anak, oleh itu, peribahasa diajar dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan di peringkat Tingkatan 6. Mohd Ridzuan (2019), silibus peribahasa sepatutnya dianggap sama penting dengan aspek-aspek bahasa yang lain dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Pembelajaran peribahasa ini dapat meningkatkan kemahiran berbahasa murid, dengan penglibatan kegiatan membaca dan mendengarkan peribahasa dalam konteks yang tepat, akan memperkukuh kecekapan berbahasa murid. Oleh itu, kepentingan mempelajari dan memahami peribahasa dalam pendidikan anak-anak adalah dengan mempelajari peribahasa, murid dapat memahami lebih mendalam tentang kebudayaan tradisional, cara berfikir, dan nilai agama yang dianut oleh nenek moyang kerana peribahasa adalah cerminan dari budaya dan warisan sesebuah masyarakat. Peribahasa Melayu dalam PdP juga banyak menyampaikan pengajaran, nilai moral kehidupan dan tentang perpaduan iaitu kesepaduan dalam hidup bermasyarakat, misalnya di Malaysia yang hidup dengan kepelbagaian kaum (Mohd Mahzan et al. 2015).

Peribahasa Melayu memainkan peranan penting dalam pembelajaran kerana akan membawa nilai-nilai murni, petua hidup, dan ajaran tentang perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Penggunaan peribahasa dalam konteks PdP dapat membantu menyampaikan nilai-nilai murni dan kesepaduan dengan cara yang mudah diingat dan difahami oleh murid. Ia juga dapat membentuk kesedaran terhadap budaya dan tradisi serta merangsang pembelajaran tentang kepelbagaian kaum dalam masyarakat khususnya di Malaysia. Penggunaan peribahasa dalam buku teks digunakan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang tatabahasa, penggunaan kata kiasan, dan makna ayat. Hal ini demikian dapat membantu murid memperjelas dan memperkaya pembelajaran bahasa. Peribahasa juga berfungsi sebagai warisan budaya yang terpenting dan jika digunakan dalam buku teks akan dapat membantu memperkenalkan dan mendedahkan kepada murid akan budaya, tradisi dan tempatan kepada murid. Oleh itu, penggunaan peribahasa dalam buku teks merupakan satu cara yang efektif dalam memperkaya bahasa murid, memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada murid tentang nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Perbezaan antara sekolah jenis kebangsaan dan sekolah kebangsaan di Malaysia terletak pada bahasa pengantar yang digunakan dalam proses pembelajaran. Sekolah kebangsaan di Malaysia menyediakan pendidikan dalam bahasa kebangsaan, manakala sekolah jenis kebangsaan

(SJK) seperti bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Tujuan utama dari SJK adalah untuk menyatupadukan pelajar daripada pelbagai latar belakang etnik dan menyediakan pendidikan yang seragam dalam bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Meskipun ada perbezaan dalam bahasa pengantar, kurikulum sekolah kebangsaan dan SJK lain umumnya adalah sama mengikut kurikulum yang ditetapkan oleh KPM yang menetapkan standard pendidikan yang sama bagi semua jenis sekolah untuk memastikan kualiti pendidikan yang seimbang.

PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian murid bukan Melayu dalam subjek Bahasa Melayu semakin merosot, menyebabkan kebimbangan yang semakin meningkat oleh pelbagai pihak. Laporan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia menunjukkan penurunan dalam peratusan pencapaian murid. Kajian Norsidah et.al (2010) juga menyokong hal ini yang mana mereka mendapati bahawa pencapaian murid bukan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi sekolah-sekolah menengah di negeri Johor mengalami kemerosotan selama tiga tahun berturut-turut. Hal ini demikian menjadi isu dan permasalahan yang timbul dalam kalangan pendidik di negeri itu pada masa tersebut. Dalam kajian Zamri et al (2016) berkaitan pemilihan strategi pengajaran bahasa juga mendapati bahawa permasalahan untuk mempelajari Bahasa Melayu, selain daripada bahasa ibunda bukanlah tugas yang mudah, terutamanya apabila berada dalam persekitaran yang kurang membantu dalam penggunaan bahasa Melayu itu sendiri. Oleh itu, timbul isu murid mengalami penguasaan bahasa Melayu yang lemah dan tidak meningkat. Kekangan ini menyebabkan murid sukar untuk berkomunikasi dengan berkesan dalam Bahasa Melayu dan seterusnya menjejaskan keyakinan mereka untuk menggunakan bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah.

Peribahasa merupakan elemen penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu, namun penguasaan murid-murid terhadapnya masih menjadi isu utama. Laporan Ujian Penilaian Bahasa Melayu SMKBM (2018), mendapati bahawa murid-murid menunjukkan prestasi yang

lemah dalam menjawab soalan-soalan berkaitan peribahasa, yang mana 63 peratus daripada mereka gagal menjawab kesemua soalan dengan baik. Ini menunjukkan bahawa masalah penguasaan peribahasa bukanlah perkara baharu. Kajian Zanariah (2016) juga turut mendapati bahawa murid menghadapi kesukaran menggunakan peribahasa yang sesuai dalam penulisan dan menjawab soalan peperiksaan. Kurangnya pengetahuan makna peribahasa makna peribahasa dalam kalangan murid pada tahap sederhana dan lemah ini bukan sahaja menghalang mereka daripada menggunakan peribahasa secara efektif dalam pembelajaran bahasa, yang seterusnya menjejaskan ketrampilan berbahasa mereka.

Seterusnya yang menjadi isu adalah kefahaman yang terhad terhadap Bahasa Melayu dalam kalangan murid SJK menjadi cabaran utama. Kajian Zulkifley (2010) menunjukkan bahawa murid-murid di SJK mempunyai tahap kefahaman yang lebih rendah dalam Bahasa Melayu yang menyukarkan mereka untuk mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Murid yang mempunyai tahap kefahaman yang terhad terhadap Bahasa Melayu sering kali menghadapi kesukaran dalam mengikuti pelajaran, terutamanya apabila guru cuba menerapkan nilai-nilai murni seperti *kesetiaan*, *pengorbanan* atau *kejujuran* mungkin sukar difahami oleh murid. Jika murid tidak memahami makna perkataan atau konteks cerita dengan baik, mereka mungkin akan gagal menangkap maksud tersirat atau pengajaran moral yang cuba disampaikan oleh guru.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti peribahasa yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang digunakan di sekolah jenis kebangsaan dan menganalisis bagaimana elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam peribahasa yang terdapat dalam buku teks tersebut. Berdasarkan latar belakang serta pernyataan masalah kajian yang dikemukakan, maka kajian ini berfokus kepada pengumpulan secara komprehensif semua peribahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK, penelitian aspek

kandungan peribahasa dan menganalisis penerapan elemen nilai-nilai murni yang tersembunyi di sebalik paparan peribahasa berdasarkan FPK (KPM 1996) dalam kandungan buku teks dengan objektif seperti berikut:

1. Mengetahui peribahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK.
2. Menganalisis elemen nilai-nilai murni pada peribahasa yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen terhadap kandungan peribahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang digunakan di SJK diterbitkan oleh KPM pada tahun 2019. Kajian ini melibatkan pengumpulan data dari dokumen bertulis, iaitu Buku Teks Tahun 4, pemilihan Buku Teks bahasa Melayu Tahun 4 ini adalah kerana peribahasa yang diperkenalkan pada tahap ini dirancang khusus untuk tahap pemahaman dan perkembangan kognitif murid sekitar 10 tahun dan pada usia ini murid sudah mula memahami konsep abstrak dan nilai-nilai moral dengan lebih baik. Kajian ini melibatkan pengumpulan data keseluruhan peribahasa yang terpapar dalam buku teks tersebut. Peribahasa yang dikumpul akan dicatat dan disenaraikan dan akan dianalisis makna ayat peribahasa berdasarkan Teori Relevans yang diperkenalkan

oleh Sperber dan Wilson (1986) merupakan suatu pendekatan dalam bidang linguistik dan semantik yang bertujuan untuk menjejajahi serta menganalisis makna peribahasa dan rujukan dalam suatu bahasa dengan menggunakan sumber Kamus Peribahasa dan Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Ketiga oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2011). Pengkaji menggunakan senarai semak dan menyenaraikan item-item pengkodan dengan menyenaraikan elemen nilai-nilai murni melalui tafsiran makna daripada peribahasa berpanduan FPK (KPM 1996). Analisis secara deskriptif juga dilakukan oleh pengkaji bagi menggambarkan dan meringkaskan kehadiran elemen nilai-nilai murni dalam buku teks tersebut dengan menggunakan kekerapan dan peratus yang bertujuan agar dapat menerangkan data yang diperoleh oleh pengkaji.

DAPATAN KAJIAN

Hasil daripada proses mengenalpastian yang telah dilakukan terhadap Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 yang digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan, pengkaji mendapati sebanyak 20 unit peribahasa yang telah dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam borang senarai semak yang telah disediakan oleh pengkaji. Peribahasa

tersebut dikenal pasti dalam 4 halaman yang mempunyai paparan peribahasa dan telah dicatat oleh pengkaji. Daripada 162 halaman, 4 halaman yang memaparkan kandungan peribahasa dan setiap satu halaman mengandungi 1 hingga 5 unit peribahasa yang terkandung dalam buku teks tersebut.

Mengenal Pasti Peribahasa yang Terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan

Pengkaji telah mengenal pasti kandungan peribahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK dengan menjalankan penelitian yang melibatkan pemeriksaan terperinci terhadap isi kandungan buku teks tersebut. Dalam hasil penelitian ini, pengkaji secara khusus meneliti peribahasa yang terkandung dalam buku teks dan mengumpulkan data peribahasa sebagai Peribahasa 1 (P1) sehingga Peribahasa 20 (P20) melalui penyusunan dalam borang senarai semak. Jadual 1 menunjukkan peribahasa yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 dan halaman yang mengandungi peribahasa. Sebanyak 4 halaman yang telah dikenal pasti mengandungi peribahasa iaitu pada halaman 5, 54, 110 dan 151. Halaman ini dibaca dan ditelaah oleh pengkaji bagi melihat ayat peribahasa yang terkandung dan bagaimana penulis buku teks mempersembahkan peribahasa dalam buku teks tersebut bagi memberi pemahaman kepada murid. Hasil penelitian dalam buku teks bahasa melayu tahun 4 yang digunakan di sekolah jenis kebangsaan, terdapat 20 unit peribahasa secara keseluruhan yang dapat dikenal pasti. Penentuan jumlah sampel ini dilakukan berdasarkan pilihan yang bersifat representatif dan mencakup seluruh isi

kandungan buku teks bahasa Melayu Tahun 4. Unsur peribahasa yang telah ditemui dalam paparan buku teks bahasa melayu tahun 4 sekolah jenis kebangsaan ini kesemua data diambil 100%.

Data peribahasa yang dikumpulkan disusun dalam borang senarai semak yang kemudian dapat digunakan sebagai alat analisis bagi membantu mencapai objektif kajian. Proses mengenalpastian peribahasa ini melibatkan pemilihan, pencatatan dan pengumpulan informasi mengenai setiap peribahasa yang ditemui dalam buku teks tersebut. Dengan menyusun senarai semak berdasarkan sampel peribahasa yang diambil, pengkaji dapat mengkaji secara lebih terperinci unsur-unsur peribahasa yang diajarkan dalam buku teks Bahasa Melayu tahun 4. Daripada keseluruhan paparan peribahasa yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 ini, peribahasa telah dikenal pasti dalam modul bahan mengajar aspek seni bahasa. Pengajaran dan pembelajaran seni bahasa merupakan aspek yang ditekankan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, terutama di peringkat sekolah rendah. George Romiko dan Mary Fatimah (2021) menyatakan bahawa penekanan terhadap seni bahasa dalam kurikulum Bahasa Melayu bertujuan

memberikan lebih banyak ruang kepada murid untuk mempelajari dan menghayati keindahan seni bahasa Melayu, seperti sajak, nyanyian,

peribahasa, tulisan khat dan aspek-aspek lain yang berkaitan.


JADUAL 1: Kandungan peribahasa dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK

Peribahasa	Halaman
P1. Bagai Isi dengan kuku.	5
P2. Ambil Angin	
P3. Susah Hati	
P4. Putih Seperti Kapas	
P5. Bagai Aur Dengan Tebing	
P6. Ambil berat	54
P7. Lepas Tangan	
P8. Malang tidak berbau.	
P9. Biar lambat, asalkan selamat	
P10. Anak Jati	
P11. Sampai Hati	110
P12. Bulat Hati	
P13. Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.	
P14. Bagai ikan pulang ke lubuk.	
P15. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri.	
P16. Anak kandung	151
P17. Melentur buluh biarlah dari rebungunya	
P18. Ringan tulang	
P19. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	
P20. Dimana ada kemahuan, disitu ada jalan	

Menganalisis Elemen Nilai-nilai Murni pada Peribahasa yang Terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan

Hasil dapatan pengkaji terhadap peribahasa dalam buku teks bahasa melayu tahun 4, kesemua peribahasa yang dikenal pasti iaitu sebanyak 20 unit peribahasa, pengkaji telah mentafsir makna peribahasa melalui kamus peribahasa berdasarkan teori relevan oleh Wilson & Sperber pada tahun 1986. Melalui tafsiran makna, pengkaji telah mengenalpasti elemen nilai-nilai murni yang digambarkan melalui peribahasa seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1996). Menurut Muhamad Khairul & Wan Muna Ruzanna (2021) Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah menyenaraikan sebanyak 16 item elemen nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam pendidikan iaitu elemen baik

hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, bermasyarakat, rasional, keberanian, kesyukuran, kesederhanaan, kerjasama, kerajinan, kejujuran dan kebersihan fizikal dan mental. Dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), nilai murni merupakan salah satu aspek penting dalam Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang perlu diterapkan dalam standard kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Elemen ini diintegrasikan dengan tujuan untuk memperkukuh kemahiran dan ketrampilan modal insan yang diharapkan, sekaligus mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan.



RAJAH 1: Elemen nilai-nilai murni berdasarkan FPK (KPM 1996)

Berdasarkan elemen nilai-nilai murni yang digariskan dalam FPK (KPM 1996), pengkaji meneliti peribahasa melalui tafsiran makna berdasarkan Teori Relevan yang memfokuskan pada hubungan antara peribahasa atau ungkapan dengan konteks sosial, budaya dan sejarah di mana peribahasa tersebut digunakan bagi

mengenal pasti elemen nilai-nilai murni yang terkandung di sebaliknya. Pengkaji telah menyediakan senarai semak menggunakan jadual dengan pengkodan tema peribahasa, makna dan nilai murni yang telah dicatat seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Senarai peribahasa, makna dan elemen nilai murni dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK

Data	Peribahasa	Makna	Nilai Murni
P1	Bagai Isi Dengan Kuku	Persahabatan yang amat erat.	Kerjasama
P2	Ambil Angin	Bersiar-siar atau berjalan-jalan.	Kebebasan
P3	Susah Hati	Berasa bimbang atau gelisah.	Kesyukuran
P4	Putih Seperti kapas	Bersih dan suci seperti kapas yang telah dibersihkan.	Kejujuran
P5	Bagai aur dengan tebing	Sikap saling membantu antara satu sama lain.	Kerjasama
P6	Ambil berat	Sikap memberi perhatian.	Bermasyarakat
P7	Lepas tangan	Tidak bertanggungjawab atas sesuatu yang telah dilakukan.	Kejujuran
P8	Malang tidak berbau	Kecelakaan yang tidak diketahui sebelumnya.	Kesederhanaan
P9	Biar lambat, asalkan selamat	Melakukan sesuatu perkara dengan cermat dan berhati-hati/ pekerjaan sebaiknya dilakukan dengan penuh kesabaran demi kebaikan bersama	Keberanian
P10	Anak Jati	Anak tempatan/ anak watan.	Keberanian
P11	Sampai Hati	Tergamak melakukan sesuatu	Kejujuran
P12	Bulat Hati	Ikhlas. Tetap hati dan bersungguh-sungguh.	Keberanian
P13	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.	Menyesuaikan diri dengan tempat dan keadaan.	Berdikari
P14	Bagai ikan pulang ke lubuk	Orang yang berdagang pulang ke tempat asalnya, atau ke kampung halaman.	Berdikari
P15	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebah baik di negeri sendiri.	Walau bagaimanapun kelebihan di negara orang, tetap negeri sendiri lebih baik lagi.	Keberanian
P16	Anak kandung	Anak sendiri	Kasih sayang
P17	Melentur buluh biarlah dari rebungnya	Mendidik anak biarlah sejak mereka kecil lagi.	Kerajinan
P18	Ringan tulang	Rajin bekerja.	Kerajinan
P19	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.	Suka duka sama-sama ditanggung. Saling menolong ketika susah dan senang.	Kerjasama


P20	Dimana ada kemahuan, di situ ada jalan.	Jika mempunyai cita-cita, seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.	Berdikari
-----	---	--	-----------

Oleh yang demikian, elemen nilai-nilai murni yang dikenal pasti telah dianalisis secara deskriptif untuk menggambarkan peratusan elemen nilai-nilai murni yang terdapat dalam kandungan peribahasa Buku Teks tersebut. Daripada keseluruhan elemen nilai murni yang digariskan dalam FPK, sebanyak 10 elemen nilai-nilai murni dalam peribahasa digunakan yang telah dikenal pasti oleh pengkaji dalam Buku Teks Bahasa Melayu SJK, iaitu keberanian (4 kekerapan, 20%), berdikari (3 kekerapan, 15%), kerjasama (3 kekerapan, 15%) kejujuran (3 kekerapan, 15%), kerajinan (2 kekerapan, 10%), kebebasan (1 kekerapan, 5%), kesyukuran (1 kekerapan, 5%), bermasyarakat (1 kekerapan, 5%), kesederhanaan (1 kekerapan, 5%) dan kasih sayang (1 kekerapan, 5%). Rajah 4 menunjukkan kekerapan elemen nilai-nilai murni yang diterapkan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK yang diterjemah oleh pengkaji melalui carta pai bagi melihat nilai peratus yang digunakan dalam buku teks tersebut.

Berdasarkan Rajah 2, 10 elemen nilai-nilai murni yang dikenal pasti, iaitu keberanian, berdikari, kerjasama, kejujuran, kerajinan, kebebasan, kesyukuran, bermasyarakat, kesederhanaan dan kasih sayang merupakan contoh nilai-nilai murni yang perlu diterapkan dalam diri murid khususnya murid sekolah rendah. Penguasaan nilai-nilai murni bukan sahaja memberikan manfaat kepada individu,

tetapi juga kepada masyarakat di sekeliling secara keseluruhan. Elemen yang dikenal pasti ini merupakan elemen yang penting yang perlu dikuasai oleh murid dalam melahirkan insan yang seimbang dan berbudi bahasa. Elemen nilai-nilai murni ini juga dikenal pasti oleh pengkaji bagi memastikan kerelevanannya dalam proses PdP murid di sekolah sekaligus dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka.

Analisis mendapati bahawa keseluruhan peribahasa dalam buku teks bahasa melayu tahun 4 SJK yang dikaji mengandungi elemen nilai murni iaitu keberanian, berdikari, kerjasama, kejujuran, kerajinan, kebebasan, kesyukuran, bermasyarakat, kesederhanaan dan kasih sayang. Kesemua nilai murni ini menunjukkan asas-asas penting kepada melahirkan insan yang berhati mulia dan berbudi bahasa serta mementingkan budaya yang diwarisi. Melalui analisis ini dapat dilihat bagaimana peribahasa sebagai sebahagian daripada bahasa dan budaya Melayu turut memainkan peranan dalam menyampaikan nilai-nilai murni kepada pembaca, khususnya murid yang menggunakan buku teks tersebut. Warisan dan budaya Melayu yang perlu diwarisi oleh generasi baru dapat dilihat melalui peribahasa dan serta pedoman hidup yang ditunjukkan melalui peribahasa.



RAJAH 2: Pecahan elemen nilai-nilai murni yang terdapat dalam peribahasa
Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK

PERBINCANGAN

Peribahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan

Melalui penelitian yang telah dilakukan oleh pengkaji, peribahasa sememangnya digunakan dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 SJK. Peribahasa tersebut memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan khususnya kepada murid sekolah rendah. Penggunaan peribahasa dalam konteks pendidikan memberikan pelbagai manfaat termasuk dalam pembangunan kefasihan berbahasa, pemahaman budaya dan pembentukan karakter. Peribahasa sering mengandungi bahasa yang kaya dan unik. Apabila murid belajar dan menggunakan peribahasa, mereka akan dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Hal ini akan dapat membantu dalam pengembangan kemahiran membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Kajian seperti yang dilakukan oleh Aripin (1992), Indrawati (1998), Lim (2003) dan Lokman (2004) telah membahas perihal peribahasa dan menggariskan fungsi pentingnya dalam masyarakat Melayu. Kajian-kajian ini menekankan bahawa peribahasa bukan sekadar menyimpan makna dan kebijaksanaan, tetapi juga mencerminkan pola pemikiran masyarakat Melayu. Dalam konteks ini, peribahasa dianggap sebagai pengekal budaya dan sastra Melayu yang signifikan. Mereka berfungsi sebagai gambaran budaya tempatan dan kebijaksanaan yang diperoleh dari pengalaman kehidupan seharian. Peribahasa sering mencerminkan nilai-nilai, adat resam dan kebijaksanaan. Dengan memahami peribahasa, murid dapat lebih dekat dengan warisan budaya mereka. Ini akan dapat membuka peluang untuk menerapkan nilai-nilai murni dan tradisi dalam kehidupan seharian mereka. Kebanyakan peribahasa mengandungi ajaran moral dan etika. Guru juga boleh menggunakan peribahasa dalam pengajaran dan pembelajaran nilai-nilai murni seperti kejujuran, kesederhanaan, kerjasama dan kasih sayang. Perkara ini boleh membentuk aspek pembentukan karakter dalam pendidikan murid.

Peribahasa juga sering mengandungi perbandingan dan analogi. Hal ini membantu murid untuk mengembangkan kemahiran pemikiran analogi, di mana mereka dapat membuat hubungan antara konsep-konsep yang berbeza dan memahami maksud di sebaliknya perkataan atau pernyataan. Kajian Marriane et al. (2021) berkaitan kefahaman peribahasa dalam kalangan murid sekolah menengah di Selangor. Pengkaji memilih 30 orang murid Tingkatan 1 berbangsa Melayu, Cina dan India sebagai responden kajian. Hasil kajian ini mendapati tahap kefahaman murid terhadap makna tiga jenis peribahasa Melayu, iaitu *bagai menatang minyak yang penuh, harapkan pagar, pagar makan padi* dan *bagai melepaskan batuk di tangga* adalah tinggi dan ini menunjukkan

bahawa murid boleh memahami makna di sebalik peribahasa yang digunakan. Hasil kajian ini menunjukkan faktor utama murid dapat menanggapi makna ketiga-tiga peribahasa tersebut adalah berpunca daripada psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi murid. Kajian ini telah mengetengahkan faktor-faktor yang mendorong murid agar dapat mentafsir makna peribahasa yang terdapat dalam Bahasa Melayu dengan menganalisisnya menggunakan teori relevans. Oleh itu, murid mempelajari dan menggunakan peribahasa juga akan dapat meningkatkan kreativiti dalam penulisan dan ekspresi diri. Mereka dapat mempelajari cara menggunakan peribahasa dengan kreatif untuk menyampaikan pemikiran atau idea mereka.

Penggunaan peribahasa yang menarik dan bermakna dapat memupuk minat murid terhadap bahasa. Hal ini membantu dalam mencipta persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan membolehkan murid memahami bahasa sebagai alat komunikasi yang kuat. Peribahasa sering kali mengandungi ekspresi warna-warni dan imej yang dapat membuat pembelajaran lebih menyeronokkan. Guru yang menggunakan peribahasa dengan cara yang kreatif dapat mencipta suasana pembelajaran lebih berwarna dan menarik bagi murid. Dengan mengaitkan situasi atau kisah-kisah yang dikenali murid, mereka akan lebih mudah membina hubungan dengan bahasa Melayu dan melihat korelevanannya dalam kehidupan seharian mereka. Seperti kajian oleh Junaini et al. (2016) yang mencekiti peribahasa yang memfokuskan kepada peribahasa yang mengandungi unsur ikan iaitu haiwan yang dijadikan sebagai subjek yang terkandung dalam peribahasa. Dalam kajian ini, mereka menjelaskan makna tersirat di sebalik peribahasa yang berkaitan dengan ikan serta mengungkapkan dan menghuraikan falsafah dan akal budi Melayu yang terkait dengan ikan dari perspektif semantik inkuisitif. Peribahasa yang bersifat metafora atau mengandungi gambaran kuat akan dapat merangsang imaginasi dan kreativiti murid. Ini membuka ruang untuk mereka mengaitkan makna peribahasa dengan pengalaman atau persekitaran mereka sendiri, mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih peribadi dan bermakna. Peribahasa juga mengandungi penggunaan kata-kata yang unik dan kreatif. Apabila murid belajar dan menghafal peribahasa, mereka secara tidak langsung memperkaya perbendaharaan kata mereka. Perkara ini akan memberi mereka lebih banyak pilihan kata dalam penulisan dan perbualan harian mereka.

Peribahasa dapat menggalakkan penggunaan bahasa dengan keyakinan iaitu

dengan melibatkan murid dalam aktiviti yang melibatkan penggunaan peribahasa dapat memberi mereka keyakinan untuk menggunakan bahasa Melayu dengan lebih fasih. Hal ini melibatkan pelibatan aktif dalam berbual, menulis dan membaca menggunakan peribahasa yang sesuai. Proses menggali makna peribahasa melibatkan pemikiran kritis dan refleksi kerana peribahasa sering kali menyembunyikan makna yang mendalam. Perkara ini membantu murid untuk mengembangkan kebolehan berfikir secara

kritis dan melihat bahasa sebagai satu alat untuk merungkai makna. Oleh yang demikian, dengan memperkenalkan peribahasa dalam pembelajaran bahasa, guru dapat membantu mencipta generasi murid yang tidak hanya mahir dalam penggunaan Bahasa Melayu, tetapi juga meminati dan menghargai kekayaan budaya yang terkandung dalam peribahasa tersebut. Hal ini membantu mencipta pembelajaran bahasa yang bermakna dan menyeronokkan bagi murid.

Nilai-nilai Murni pada Peribahasa yang Terkandung dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Jenis Kebangsaan

Melalui penganalisisan pengkaji terhadap peribahasa yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 sekolah jenis kebangsaan, terdapat elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam peribahasa. Penghayatan nilai murni mencakup aspek-aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan, Nik Azis (1994). Elemen nilai-nilai murni tersebut adalah antaranya keberanian, berdikari, kerjasama, kejujuran, kerajinan, kebebasan, kesyukuran, bermasyarakat, kesederhanaan dan kasih sayang. Kesemua nilai-nilai murni ini perlu diterapkan dalam pendidikan khususnya kepada murid sekolah rendah agar dapat mencapai hasrat negara dalam melahirkan insan seimbang dari segi emosi, intelek, rohani dan jasmani seperti yang terkandung dalam FPK (KPM 1996). Elemen nilai-nilai murni dikenal pasti dalam peribahasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan ajaran moral, etika dan kebijaksanaan yang diwarisi dari generasi ke generasi. Peribahasa sering kali mengandungi nilai-nilai yang mewakili tradisi dan budaya suatu masyarakat. Dengan menggunakan peribahasa, nilai-nilai ini dapat dijaga dan disampaikan kepada generasi muda bagi membantu memelihara identiti budaya.

Peribahasa dapat meningkatkan kesedaran dan keprihatinan terhadap nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan teori relevan, Sperber dan Wilson (1986) kajian ini yang merangkumi konsep-konsep yang berfokus pada cara makna dikonstruksi dalam konteks komunikasi. Teori Relevan menekankan pada pemahaman makna yang relevan dalam komunikasi. Dalam konteks peribahasa, ketika seseorang menggunakan atau menerangkan peribahasa, fokus adalah pada bagaimana makna peribahasa itu menjadi relevan dengan konteks atau situasi yang dihadapi. Teori ini mengandaikan bahawa dalam proses komunikasi, seseorang cenderung dalam mencari makna yang paling relevan dan efisien. Oleh itu apabila seseorang menggunakan peribahasa, ia dianggap mempunyai daya tarik kerelevanan yang tinggi kerana menyampaikan makna dengan cara yang ringkas dan efektif. Dengan menerapkan teori relevan dalam kajian peribahasa, pengkaji dapat meneliti bagaimana peribahasa membawa makna yang relevan dengan komunikasi secara umum dan bagaimana penggunaannya memainkan peranan dalam mencapai pemahaman yang efektif di dalam masyarakat.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi yang signifikan kepada beberapa pihak iaitu antara kepada KPM, iaitu hasil kajian ini dapat membantu dalam pembangunan kurikulum Bahasa Melayu yang lebih holistik. Pemahaman yang mendalam terhadap nilai-nilai murni dalam peribahasa membolehkan KPM untuk menggubal modul atau bahan pengajaran yang kaya dengan elemen nilai-nilai murni ini. Kajian ini berkait rapat dengan pendidikan karakter atau perwatakan. Seterusnya kajian ini juga memberikan implikasi kepada pihak sekolah iaitu dapat menggunakan hasil kajian ini untuk menggayakan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas Bahasa Melayu khususnya. Mengintegrasikan peribahasa yang mengandungi nilai-nilai murni dapat menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan bermakna bagi

murid sekolah rendah khususnya. Penerapan nilai-nilai murni dalam peribahasa dapat membantu membentuk budaya sekolah yang positif dan berakhlak mulia.

Kajian ini juga memberi implikasi kepada ibu bapa murid iaitu memberi kesedaran terhadap pembelajaran anak-anak iaitu ibu bapa dapat lebih memahami pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah, khususnya dalam konteks penggunaan peribahasa yang membawa nilai-nilai murni. Mereka boleh melibatkan diri secara aktif dalam perkembangan pembelajaran anak mereka. Implikasi kajian ini kepada murid, iaitu mereka dapat menghayati nilai-nilai murni yang terkandung dalam peribahasa. Ini membantu dalam membentuk karakter mereka dan memberikan landasan yang kukuh untuk

perkembangan moral dan etika. Melalui kajian peribahasa ini, murid dapat memahami dengan lebih mendalam nilai-nilai murni yang telah dikenal pasti dan mengaplikasikan dengan mengaitkannya dengan kehidupan seharian mereka. Peribahasa sering mengandungi unsur

keaktiviti dan pemikiran analogi. Melalui pemahaman terhadap peribahasa murid dapat mengembangkan kemahiran kreatif dan kebolehan untuk membuat persamaan atau perbandingan dalam pemikiran mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa pentingnya pemahaman terhadap peribahasa iaitu murid perlu dibimbing dan mengapresiasi peribahasa sebagai warisan budaya dan sumber nilai. Implikasi program pembelajaran perlu memberi tumpuan kepada penerangan dan aktiviti yang dapat meningkatkan pemahaman terhadap peribahasa. Ini penting untuk memastikan kelestarian dan penghargaan terhadap tradisi dan nilai-nilai yang diwarisi dari generasi terdahulu. Pembelajaran peribahasa dapat membentuk kesedaran budaya murid terhadap keunikan dan kepelbagaian budaya, iaitu murid akan lebih menghargai perbezaan dan

memahami nilai-nilai yang dijunjung tinggi dalam masyarakat. Elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam peribahasa perlu ditekankan dan diterapkan berlandaskan FPK, iaitu memberi penekanan kepada pembangunan individu secara holistik. Dalam konteks pendidikan nilai-nilai murni yang telah digariskan adalah untuk pembentukan personaliti individu yang berakhlak mulia, memupuk perpaduan dan membentuk warganegara yang bertanggungjawab.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2011. *Kamus Peribahasa Kontemporari Edisi Ketiga*. Gombak: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Aripin Said. 1992. Perihal peraturan dan nasihat dalam peribahasa Melayu. *Pelita Bahasa* 4(7): 42-43.
- George Romiko Bujang & Mary Fatimah Subet. 2021. Meneroka Makna ungkapan dalam bahan seni bahasa tahun empat: Satu analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1): 68-79.
- Indrawati Zahid. 1998. Peribahasa melayu: satu klasifikasi yang tiada penentu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 42(11): 978-84.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 4(1): 31-42.
- Suoyan Hussin, Ding Choo Ming, Afendi Hamat & Arba'ayah Abdul Rahman. 2004. *Kamus peribahasa Melayu digital yang pertama*. 2004. *SARI:Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 22: 49-61.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan pustaka.
- Mohamad Khairi Hj Othman. 2015. Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18(Jun): 1-20.
- Lim Kim Hui. 2003. Build as the Malay mind: A philosophical study of malay ways of reasoning and emotion in peribahasa. Thesis PhD. University of Hamburg, Germany
- Lokman Abdul Samad. 2004. Peribahasa lambang kesarjanaan Melayu. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 2(2): 91-106.
- Mahzan Awang, Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin & Abdul Raz. 2015. Analisis peribahasa Melayu dalam buku teks Bahasa Malaysia Tingkatan 4 dan 5: Perpaduan kaum sebagai medium pembentukan identiti kebangsaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3): 95-111.
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. 2021. Analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik*, 1(1): 1-20.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. 2019. Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2): 227-253.
- Mohd Ridzuan Md. Nasir. 2019. Semantik inkuisitif dan penggabung jalinannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa Melayu. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Malaysia Sarawak.
- Muhammad Khairul Anam Ishak & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2021. Penerapan nilai-niali murni dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa Melayu tahap 1 sekolah rendah: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 4(1): 148-168.
- Muhammad Zaid Daud. 2020. Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sarawak].
- Mustari, M. I. Hashim, S. Suratman, A. Samat, A. B. Hamzah, A. R. & Abdullah, A. H. 2004. Kajian Sahsia Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor Kluang, Kluang Johor. *Research Vote no:71872*, Pusat Pengajian Islam & Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nik Azis Nik Pa. 1994. *Penghayatan Wawasan Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah & Fairrose Sulaiman. 2010. Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Melayu* pada 12-18 Jun.
- Seah, W.T. & Bishop, A.J. 2000. Values in mathematics textbooks: A view through two Australasian regions. *Kertas kerja 81st Annual Meeting of the American Educational Research Association*. Anjuran New Orleans, LA, 24-28 April.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. New York: Blackwell.
- Tajul Ariffin Nordin & Nor'Aini Dan. 1992. *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu (M) Sdn. Bhd.
- Zamri Mahamod, Kamiliah Ayu Ab. Ghani & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2016. Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina berdasarkan sikap dan kemahiran bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1): 38-51.
- Zanariah Abdol. 2016. *Peribahasa WATAFA. Edisi Keempat*. Selangor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. 2010. Sikap terhadap Bahasa Melayu: Satu kajian kes di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, 5: 163-176.